

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Guru akan menyediakan bahan dan peralatan iaitu kad situasi, kertas sebak, *marker pen* dan *sticky note*.
 3. Murid dalam kumpulan akan membincangkan situasi yang diberi.
 4. Murid akan menulis jawapan di atas kertas sebak.
 5. Setiap murid dalam kumpulan akan menyumbangkan idea untuk menyelesaikan situasi yang diberi.
 6. Hasil kerja akan dipamerkan dan murid daripada kumpulan lain akan memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan tersebut pada *sticky note* dan menampal pada hasil kerja berkenaan.
 7. Gunakan kad situasi di bawah :

Nyatakan cara memberi bantuan dan sokongan moral berdasarkan situasi di bawah.

Kad Situasi 1 :




Bomba bertugas memadamkan kebakaran hutan

Kad Situasi 2 :




Tentera bertugas mengawal sempadan negara

Kad Situasi 3 :



Golongan gelandangan

Kad Situasi 4 :



Kempen derma darah

8. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.